



GARIS PANDUAN BERKAITAN POTONGAN DUA KALI SECARA AUTOMATIK BAGI PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R & D)

1. PENGENALAN

1.1 Dalam Pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, Kerajaan telah mengumumkan syarikat –

- (a) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bermastautin di Malaysia; dan
- (b) dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta di bawah perenggan 2A Jadual 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP);

yang melaksanakan projek R&D dalaman (*in-house R&D*) boleh menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP secara automatik ke atas perbelanjaan penyelidikan yang layak dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran 2016, 2017 dan 2018 tanpa perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terlebih dahulu.

1.2 Perbelanjaan penyelidikan yang layak adalah perbelanjaan yang dilakukan dalam menjalankan aktiviti R&D dalaman tidak melebihi RM50,000 bagi setiap tahun taksiran tidak termasuk perbelanjaan –

- (a) bersifat modal seperti loji, jentera, kelengkapan, peralatan, tanah, premis atau bangunan;
- (b) berkaitan dengan struktur atau kerja-kerja bersifat kekal termasuk perbelanjaan berkaitan dengan pengubahsuaian, penambahan atau pembesaran kepada struktur asal yang kekal; atau

(c) berkaitan pemerolehan hak ke atas sesuatu aset. Contohnya pengambilalihan teknologi, harta intelek atau bayaran royalti.

1.3 Syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta di bawah perenggan 2A Jadual 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) merupakan syarikat yang mempunyai modal berbayar saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran potongan dua kali dituntut. Ia tidak termasuk syarikat -

- (a) lebih daripada 50% modal saham biasa dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitannya;
- (b) lebih daripada 50% modal saham biasa syarikat berkaitannya dimiliki oleh syarikat yang menuntut perbelanjaan R&D; atau
- (c) lebih daripada 50% modal saham biasa syarikat yang menuntut perbelanjaan R&D dan syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh suatu syarikat lain.

Syarikat berkaitan adalah suatu syarikat yang modal berbayar saham biasanya lebih daripada RM2.5 juta pada hari pertama tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

2. PROSEDUR TUNTUTAN POTONGAN

- 2.1 Tuntutan potongan dua kali ini hendaklah diluluskan oleh Menteri Kewangan dan permohonan kelulusan adalah serupa seperti prosedur sedia ada walaupun potongan dua kali boleh dituntut sebelum projek penyelidikan diluluskan. Oleh itu, syarikat masih perlu mengemukakan—
- (a) Borang permohonan kelulusan projek R&D [Borang 1 (Seksyen 34A ACP 1967)] kepada Jabatan Dasar Percukaian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 6 bulan sebelum dari tarikh

penutupan tahun kewangan perniagaan dalam mana perbelanjaan R&D dilakukan.

- (b) Sekiranya terdapat pertambahan projek penyelidikan selepas tempoh 6 bulan tersebut, maka permohonan kelulusan projek tambahan perlu dikemukakan dalam tempoh sebulan selepas tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan dengan menggunakan Borang permohonan kelulusan projek R&D Borang 1(Seksyen 34A ACP 1967) yang baharu.
- (c) Sekiranya pembayar cukai telah membuat tuntutan secara automatik dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan dan permohonan projek R&D yang dikemukakan kepada LHDNM tidak diluluskan, maka syarikat perlu menyemak semula taksiran dengan menarik balik perbelanjaan penyelidikan yang telah dituntut. Syarikat hendaklah dikemukakan taksiran pindaan kepada Cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat berkenaan.

2.2 Tuntutan potongan ini tertakluk kepada peruntukan di bawah seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967 dan panduan permohonan projek R&D dalaman dan tuntutan perbelanjaan adalah seperti dalam Ketetapan Umum Bil. 5/2004.

2.3 LHDNM berhak menyemak tuntutan perbelanjaan R&D yang layak semasa pemeriksaan audit walaupun projek telah diluluskan sebagai projek yang diluluskan di bawah seksyen 34A ACP 1967. Amaun perbelanjaan R&D yang sebenarnya layak dituntut ditentukan oleh LHDNM semasa pemeriksaan audit.

Contoh:

Maklumat perbelanjaan aktiviti penyelidikan Syarikat ABC dalam tahun taksiran 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun Taksiran	2016	2017	2018
Gaji penyelidik	36,000	39,000	39,000
perjalanan	3,000	4,000	2,000
Bahan mentah	5,000	7,000	5,000
Sewa peralatan	4,000	4,000	4,000
Jumlah	48,000	54,000	50,000
Perbelanjaan yang Layak dituntut secara automatik	48,000	0	50,000

Syarikat layak menuntut potongan dua kali atas perbelanjaan R&D sebanyak RM48,000 secara automatik dalam tahun taksiran 2016 walaupun kelulusan projek belum diperolehi tertakluk kepada syarat syarikat telah mengemukakan borang permohonan 6 bulan sebelum tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan dan telah mengemukakan permohonan bagi projek tambahan sebulan selepas tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan. Potongan R&D hanya ditarik balik sekiranya permohonan projek R&D ditolak.

Syarikat tidak layak menuntut potongan dua kali atas perbelanjaan R&D sebanyak RM54,000 secara automatik dalam tahun taksiran 2017 walaupun

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

syarikat telah mengemukakan borang permohonan 6 bulan sebelum tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan dan telah mengemukakan permohonan bagi projek tambahan sebulan selepas tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan kerana perbelanjaan R&D bagi tahun taksiran 2017 melebihi RM50,000.

Syarikat layak menuntut potongan dua kali atas perbelanjaan R&D sebanyak RM50,000 secara automatik dalam tahun taksiran 2018 tertakluk kepada syarat syarikat telah mengemukakan borang permohonan 6 bulan sebelum tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan dan telah mengemukakan permohonan bagi projek tambahan sebulan selepas tarikh penutupan tahun kewangan perniagaan. Potongan R&D hanya ditarikbalik sekiranya permohonan projek R&D ditolak.

Disediakan oleh,
Jabatan Dasar Percukaian,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
2 September 2016.